

21 SEP 2002

NIOSH MINTA IKS GUNA PENURUNAN CUKAI UNTUK TINGKAT KESELAMATAN

BATU PAHAT, 21 Sept (Bernama) -- Para pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) diminta memanfaatkan wang yang dijamin selepas penurunan cukai korporat dari 28 peratus ke 20 peratus, untuk melaksanakan langkah meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di kilang masing-masing.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) Tan Sri Lee Lam Thye berkata penjaminan dianggarkan kira-kira RM8,000 setahun oleh setiap satu daripada 20,000 buah kilang IKS.

"Lapan puluh peratus daripada kemalangan industri yang berlaku di negara ini melibatkan premis IKS, yang menunjukkan perlunya usaha lebih besar dijalankan bagi meningkatkan langkah keselamatan dan kesihatan di tempat kerja," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian kursus sehari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) untuk majikan IKS di sini, hari ini.

Kursus itu dirasmikan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Semerah Tan Teck Poh.

Lee mengulas bajet 2003 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan di Parlimen semalam, dan beliau berkata sememangnya penurunan cukai itu memberikan peluang terbaik dari segi kewangan untuk IKS menumpukan pula aspek keselamatan di tempat kerja.

Beliau berkata kajian Niosh mendapati tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan IKS masih belum memuaskan, sambil memetik perangkaan oleh Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso) yang menunjukkan sebanyak 95,222 kes kemalangan berlaku di tempat kerja di seluruh negara pada tahun 1999.

-- BERNAMA

MNY RON